

08/07/2003

Bekas Peguam Negara meninggal dunia

KUALA LUMPUR: Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Mohtar Abdullah, 59, meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pagi semalam akibat penyakit angin ahmar yang dihidapinya sejak tahun lalu.

Mohtar meninggal dunia pada jam 9.30 pagi di Hospital Kuala Lumpur (HKL)

dan dibawa ke rumahnya di Nombor 34, Jalan SS7/4, Kelana Jaya dekat sini,

pada jam 11 pagi. Jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara di sini, kira-kira jam 5.30 petang.

Bekas Peguam Negara itu pernah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) selepas jatuh di rumahnya pada awal Ogos tahun lalu dan menjalani pembedahan membuang darah beku di bahagian kepalanya.

Beliau kemudian dipindahkan ke HKL Mac lalu selepas disahkan koma sehinggalah menghembuskan nafas terakhir, semalam.

Allahyarham, anak kedua daripada sembilan beradik meninggalkan seorang balu, Puan Sri Zaleha Shukor; seorang anak lelaki, Mohd Nazrul Iskandar dan dua anak perempuan, Seri Izriana Melani dan Sarina.

Mohtar yang berasal dari Kampung Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka,

mempunyai empat adik beradik lelaki dan lima perempuan.

Adik Allahyarham, Murad Abdullah, 57, berkata abangnya sudah lama terlantar di SJMC akibat angin ahmar dan kemudiannya dirawat di HKL untuk rawatan susulan.

"Puan Sri (balu Allahyarham) ada bersamanya ketika menghembuskan nafas terakhir. Kami terimanya dengan redha kerana beliau adalah yang pertama antara kami adik beradik yang meninggal dunia," katanya di bilik mayat HKL, semalam.

Turut menziarahi jenazah Allahyarham ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba di rumahnya pada jam 1 petang diikuti isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, setengah jam kemudian.

Turut menziarahi Allahyarham ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman; Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail; Pengarah Jabatan Siasatan

Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Salleh Mat Som dan peguam, Karpal Singh.

Sementara, Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim mengarahkan semua mahkamah kecuali Sabah dan Sarawak, menanggungkan semua kes sehingga hari ini bagi menghormati Mohtar.

Hakim Besar Malaya, Tan Sri Haidar Mohd Noor, berkata beliau mengeluarkan arahan itu bagi pihak Ketua Hakim Negara yang kini berada di

Sandakan kerana mengadakan lawatan kerja.

Dalam kenyataannya pula, Ahmad Fairuz mengucapkan takziah kepada keluarga Mohtar dan menyatakan bekas Peguam Negara itu adalah rakan baiknya sejak menuntut di Universiti Malaya, Singapura.

Haidar berkata, beliau bagi pihak badan kehakiman dan Jabatan

Kehakiman

Malaysia ingin menyampaikan takziah kepada keluarga Mohtar.

Rais berkata, pemergian Allahyarham adalah satu kehilangan kepada bidang

kehakiman dan perundangan negara.

Peguam Karpal Singh, rakan Mohtar di Universiti Malaya Singapura ketika

ditemui di rumah Allahyarham turut bersedih dan menyifatkan negara kehilangan seorang yang berbakat besar dan berjasa kepada perundangan negara.